



SEPTEMBER 2017

# CANANG

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Isnin, 04 September 2017

Dalam menyelenggarakan Majlis Ibadat Korban pada tahun ini KKBS telah melibatkan seramai 40 orang wakil belia dari Alumni PKBN dan penuntut PPB dalam acara penyembelihan dan kerja-kerja melapah serta pemotongan dua ekor kerbau dan dua ekor sapi yang dijadikan korban bertempat di kampung Kuala Lurah. Tujuan melibatkan mereka adalah untuk memupuk agar para belia sentiasa menghayati syariat Islam dan konsep 'ta'abbudiyah' disamping memperkasa semangat gontong royong. Acara korban KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya dimulakan sebelah pagi didahului dengan akad dan penyerahan nama-nama yang berkorban yang dilaksanakan oleh Pg Haji Ismail bin Pg Hj Apong, Pegawai kanan KKBS dan di teruskan dengan acara penyembelihan, pelapahan dan memotong daging korban berkenaan. Disebelah petang acara pengagihan daging korban KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya disempurnakan oleh YB Pehin Menteri KKBS bertempat di Pusat Pembangunan Belia. Majlis pada petang tersebut di serikan dengan tazkirah oleh penceramah Pusat Dakwah Islamiah Awg Haji Abdul Rahman bin Hj Ajak.



## Isnin, 04 September 2017

Majlis pengagihan daging korban Perbadanan Tabung Amanah Islam [TAIB] telah berlangsung di Masjid Zainab Kampung Lumut dan disempurnakan oleh YB Pehin Menteri KKBS. 7 ekor kerbau telah dikorbankan dan daging-dagingnya diagihkan kepada 103 orang daripada golongan asnaf fakir miskin di bawah Majlis Ugama Islam Brunei. Majlis ibadat korban ini diharap akan memberikan kesedaran kepada orang Islam untuk terus menjalankan syariat Islam dan menjadikan ibadat korban ini sebagai cara untuk membantu golongan fakir miskin dan mengeratkan tali silaturrahim sesama Islam.



## Selasa, 05 September 2017

YB Pehin Menteri KKBS menerima kunjungan hormat berasingan daripada Duta-Duta Asing ke Negara Brunei Darussalam yang baru iaitu TYT Motohiko Kato, Duta Besar Negara Jepun, TYT Richard Stephen Lindsay, Pesuruhjaya Tinggi British dan TYT Peter Hermann Wolf, Duta Besar Republik Jerman ke Negara Brunei Darussalam.



Rabu, 06 September 2017- Majlis Penyerahan Bendera Kepada Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Para ASEAN ke-9 di Kuala Lumpur berlangsung di Dewan Digadong KKBS. Antara sukan yang akan disertai ialah Tenpin Boling, Olahraga dan Berbasikal. Para atlet telahpun menjalani latihan intensif di bawah bimbingan para jurulatih dan pakar sains sukan agar mereka mampu bersaing dan dapat meningkatkan lagi pencapaian negara pada Sukan Para ASEAN Ke-8 di Singapura yang lepas dengan kejayaan mengutip 3 pingat emas, 3 pingat perak dan 6 pingat gangsa.



## Selasa, 12 September 2017

Negara Brunei Darussalam menghantar seorang atlet billiard dan tiga pegawai termasuk chef de mission ke Sukan Asian Indoor & Martial Arts Games [AIMAG] ke 5 di Ashgabat, Turkmenistan pada 17-27 September 2017. Majlis Penyerahan Bendera Negara ke sukan berkenaan telah disampaikan oleh Menteri Kesihatan selaku Pmk. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan YB Dato Seri Setia Dr. Awg Hj Zulkarnain bin Hj Hanafi. Kejohanan AIMAG adalah kejohanan multi-sport pancontinental yang diadakan setiap 4 tahun. Kejohanan dianjurkan oleh Majlis Olimpik Asia [OCA] dan merupakan sukan kedua terbesar setelah sukan Asia.



**Selasa, 12 September 2017** - YB Pehin Menteri KKBS mengadakan perjumpaan dengan Keluarga Allahyarham Dr. Danish, Pegawai Kesihatan Sukan di Pusat Kesihatan Sukan, Stadium Negara Hassanal Bolkiah yang telah kembali kerahmatullah semasa bertugas. Perjumpaan berkenaan adalah untuk mengucapkan salam takziah dan menyampaikan rasa sedih di atas pemergian Dr. Danish yang telah banyak menabur bakti dalam perkembangan sukan di Negara

**Khamis, 14 September 2017** - Hubungan negara-negara ASEAN dengan Negara China sudah sekian lama ujud dan dijalin dalam berbagai-bagai demansi, hala dan kenegaraan dengan pencapaian-pencapaian peristiwa bersejarah yang berbeza dan telah membina dasar-dasar perhubungan yang rapat dan kepercayaan serta persefahaman yang berterusan demikian yang disuarakan oleh Yang Berhormat Pehin Menteri KKBS diMajlis Pembukaan Forum Seni Kebudayaan ke 12, di Nanning, Republik Rakyat China dengan tema – *“Transmitting and Promoting Cultural Arts”*. Hubungan kerjasama antara ASEAN dengan Negara China merupakan faktor yang sangat penting bagi kestabilan politik, tradisi, ekonomi dan kehidupan masyarakat sosial dalam sama-sama menjaga kesedaran tentang budaya, adat dan karya-karya seni dalam membentuk masyarakat yang inovatif dan proaktif tambah Yang Berhormat Pehin. Forum Kebudayaan Seni tahunan ini yang diselenggarakan dengan *the 14<sup>th</sup> China-ASEAN Exposition (CAEXPO 2017)*.

**Sambungan** - Negara Brunei Darussalam adalah merupakan negara kehormat mampu menambah beberapa platform yang merapatkan perhubungan dialog, memberikan pakar-pakar dan profesional dalam mengongsikan pengalaman yang akan dapat membawa ke hadapan lagi dalam memainkan peranan penting dalam pembangunan perhubungan ASEAN-China terutama bagaimana cara mengawal dan menghasilkan budaya tradisi dan kesenian kearah generasi akan datang dengan membantu perkembangan ekonomi dalam ASEAN-China. Diharapkan agar penyertaan belia dapat diserapkan bagi memastikan belia-belia dapat mengekalkan dan mengamalkan budaya tradisi melalui sektor institusi pendidikan dan dalam masa yang sama menjaga kesesuaian budaya tradisi dan seni bagi generasi akan datang. Kenyataan ini juga bersesuaian dengan ASEAN meraikan Sambutan Ulang tahun nya yang ke 50 tahun dalam merealisasikan visi komuniti ASEAN 2025 di mana golongan belia ditekankan untuk sedar akan identiti, kebudayaan, warisan disamping mempunyai kemahiran untuk membuat perubahan dan proaktif menyumbang kerarah keharmonian komuniti. Majlis Pembukaan Forum Kebudayaan Seni ke-12 China-ASEAN berlangsung di *Anthropology Museum of Guangxi, Nanning, China..* Di sebelah petang diteruskan lagi dengan dua sesi *Table Meeting of the Heads of China-ASEAN Art Schools and Institutes* dengan membentangkan ucapan yang diadakan di *Grand Ballroom, Hotel Wanda Vista Nanning.*



**Rabu, 20 September 2017-** Majlis Penyampian Sijil bagi Peserta Kursus Induksi KKBS & jabatan-jabatan dibawahnya berlangsung di Dewan Digadong KKBS dan disampaikan oleh Pengarah Pentadbiran dan Kewangan, Hj Amiruddin bin Hj Mohd Hassan. Kursus induksi bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengetahuan mengenai dasar utama, peranan dan fungsi KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya juga bagi menjelaskan sistem pentadbiran, prosedur-prosedur, pengurusan dan keperluan asas disamping memupuk kerja berpasukan dikalangan warga KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya.



**Khamis, 21 September 2017** – Penjenamaan semula Pusat Belia telah mengetengahkan beberapa kemudahan dan perkhidmatan ditawarkan di Pusat Belia seperti Akademi I'Jaz Al-Quran, Akademi Masakan, Akademi Komputer, dan Akademi Kecantikan yang boleh memberi manfaat kepada para belia yang cenderung dalam bidang berkenaan. Penganjuran Festival Pusat Belia menjadi inisiatif bermanfaat kepada para belia untuk terus berdikari dan produktif dalam menghasilkan inovasi baharu. Selain memberikan kemudahan seperti kolam renang dan perkhidmatan *life saving*, regatta asas, sukan polo dan kanu, Pusat Belia juga menyediakan Kafe Belia yang beroperasi untuk keperluan para pengunjung.



### Sabtu, 23 September 2017

Setiap tahun pada 1 Muaharam setiap bayi yang lahir bermula dari masuk waktu Maghrib hingga berakhir waktu Asar akan menerima hadiah barangan keperluan ibu dan anak sebagai rasa syukur kehadiran Allah SNW diatas kelahiran pada hari yang baik dan bersejarah. Majlis penyampaian hadiah berkenaan berlangsung di Pusat Perempuan dan Kanak-Kanak Hospital RIPAS. Hadir bagi menyempurnakan penyampaian berkenaan ialah YB Pehin Menteri Hal Ehwal Ugama, YB Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, dan YB Menteri Kesihatan. Hadiah-hadiah berkenaan disumbangkan oleh Perbadanan TAIB dan Syarikat Takaful Brunei Darussalam Sdn. Bhd dan anak-anak syarikatnya.



**Ahad, 24 September 2017**– Masjidku Makmur ialah satu aktiviti yang diadakan setiap hujung minggu bagi memeriahkan masjid berlangsung di Masjid Sultan Omar Ali Saifuddien. Program Masjidku Makmur diisikan dengan tazkirah subuh bertajuk ‘Jalan Menuju Keberkatan’ oleh Hj Suhaimi bin Hj Gemok, Pemangku. Penolong Pengarah Unit Perundangan Islam, KHEU. Hadir ialah YB Menteri KKBS dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama. Antara intipati tazkirah ialah megenai menyampaikan salam, tatacara makan minum, mendoakan pengantin baru, memohon rezeki agar diberkati, anak-anak berjaya dan kesihatan tubuh badan. Antara amalan yang mengundang keberkatan ialah sifat bertakwa, amalan istighfar, menghormati para guru dan lainnya.



**Ahad, 24 September 2017**–Lebih 2,421 para pencinta sukan larian menyertai Larian Hari Keputeraan bermula daripada Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien di pusat bandar. Tiga kategori dipertandingkan iaitu 10km terbuka lelaki, 10km terbuka perempuan dan ‘Fun Run’ sejauh 4km. Larian dilancarkan oleh YB Pehin Menteri KKBS. LHK bertujuan menggalakan masyarakat cara hidup sihat disamping memupuk persefahaman dan kerjasama semua lapisan masyarakat terutama belia dan beliawanis, golongan orang tua dan kanak-kanak.



**Ahad, 24 September 2017**–Kontinjen negara ke Sukan Para ASEAN di Kuala Lumpur selamat tiba di Balai Ketibaan, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei. Ketibaan mereka disambut oleh YB Pehin Menteri KKBS dan seterusnya dikalungkan sesandang dan ucapan tahniah. Negara Brunei Darussalam menyertai sukan olahraga, tenpin boling dan basikal. Dengan penyertaan itu, kontinjen negara berjaya meraih dua pingat emas, enam pingat perak dan enam pingat gangsa. Satu pingat emas, tiga pingat perak dan lima pingat gangsa diperoleh dalam sukan olahraga, manakala satu pingat emas dan tiga pingat perak bagi sukan tenpin boling, dan satu pingat gangsa diperoleh dalam sukan basikal.





**Selasa, 26 September 2017** – 'Kepimpinan Adil Teras Kesejahteraan' adalah tajuk ceramah yang disampaikan oleh penceramah undangan dari Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ajak di Majlis sambutan Awal Tahun Hijrah 1439 KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya. Intipati ceramah ialah mengenai tanggungjawab rakyat terhadap pemimpin seperti mentaati pemimpin dengan tidak berbelah bahagi, mendukung, menanai dan melaksanakan amanah yang dipikulkan oleh pemimpin mengikut kapasiti dan ruang lingkup yang dipertanggungjawabkan ini termasuk mendoakan kesejahteraan serta keselamatan dunia dan akhirat bagi pemimpin kita. Hadir dimajlis tersebut ialah YB Pehin Menteri KKBS dan Setiausaha Tetap KKBS.

**Khamis, 28 September 2017** – Pelbagai produk ditawarkan di Festival Hari Belia 2017 yang bermula 28 Sept - 1 Okt 2017. Festival diadakan di Stadium Negara Hassanal Bolkiah menawarkan pelbagai aktiviti seperti Bicara Keusahawanan, Ceramah Khas Belia, Klinik Al-Fatihah, Klinik Penyempurnaan Solat, Pertandingan 'Choral Speaking', Malam Seni dan Kebudayaan dan lain-lain. Perasmiannya disempurnakan oleh Yang Berhormat Pehin Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Festival tersebut bukan sahaja menjadi platform untuk belia-belia membuat pertunjukan atau persembahan dari segi keagamaan, kebudayaan, kemasyarakatan dan kesukanan ianya juga sebagai platform untuk melatih dan memberikan peluang kepada para belia untuk menjadi usahawan dengan menyertai petak jualan yang disediakan pada kadar yang sangat minimal.



**Visi**

**Bangsa  
Brunei  
Cemerlang**

**Tim Penerbitan** ● Haji Esa bin Kula ● Jeffree Hj Kassim ● Hajah Ajjiah binti Hj Ali **Penyunting & Penyemak** ● Hj Esa bin Kula ● Jeffree Hj Kassim **Perwajahan dan Aturhuruf** ● Hj Esa bin Kula **Jurufoto** ● Hajah Ajjiah binti Haji Ali ● Pg Suhaimi bin Pg Hj Othman.